

GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN PENGECUALIAN DUTI EKSAIS DAN CUKAI JUALAN KE ATAS PENJUALAN/TUKAR HAK MILIK TEKSI BAJET DAN KERETA SEWA MILIKAN INDIVIDU

1. Pendahuluan

1.1 Bertarikh 6 Mei 2021, Yang Berhormat (YB) Menteri Kewangan telah meluluskan perwakilan kuasa kepada Ketua Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Penolong Ketua Pengarah Kastam (Zon Tengah) dan (Zon Sabah) JKDM (Pen. KP) serta semua Pengarah Kastam Negeri JKDM (PKN) selaras dengan peruntukan subseksyen 6(1) Akta Perwakilan Kuasa 1956 untuk meluluskan permohonan pengecualian duti eksais dan cukai jualan bagi tujuan penjualan/pindah milik/lupus/kegunaan persendirian teksi bajet dan kereta sewa milik individu **berkuatkuasa mulai 1 Jun 2021.**

2. Terminologi

2.1 Kereta Sewa

Kenderaan motor yang muatan duduknya tidak melebihi enam (6) atau, dalam kawasan yang dibenarkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), dua belas (12) orang (dalam semua keadaan termasuk pemandunya) yang digunakan untuk membawa penumpang pada satu perjalanan sebagai balasan kepada bayaran berasingan yang dibuat oleh mereka.

2.2 Milikan Persendirian

Kereta yang didaftarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) atas nama individu untuk kegunaan persendirian.

2.3 Pemilik Individu

Nama Pemunya Berdaftar pada Sijil Pemilikan Kenderaan (geran kenderaan) yang dikeluarkan oleh JPJ adalah atas nama individu sahaja.

2.4 Teksi

Kenderaan motor yang muatan duduknya tidak melebihi enam (6) orang (termasuk pemandu) yang digunakan untuk membawa orang pada mana-mana perjalanan sebagai balasan kepada satu tambang.

2.4.1 Teksi Bajet

Teksi Bajet adalah kenderaan yang didaftarkan sebagai Teksi oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) atau APAD.

2.4.2 TEKS1M

TEKS1M merupakan teksi yang menggunakan jenama Proton Exora sahaja ketika dilancarkan lebih tiga tahun lalu, tambang TEKS1M ditetapkan pada kadar RM4 bagi kilometer pertama, lebih mahal berbanding RM3 dikenakan teksi ekonomi atau bajet. TEKS1M boleh menghantar penumpang ke seluruh negara dengan syarat kembali dalam tempoh 24 jam. Selain Lembah Klang, ketika ini TEKS1M beroperasi sekitar Johor Bahru dan Pulau Pinang.

2.4.3 Teksi Eksekutif

Teksi jenis ini biasanya beroperasi di hotel-hotel. Teksi ini biasanya menggunakan meter, boleh dikatakan 2 kali ganda meter teksi bajet. Teksi ini hanya menggunakan warna biru dan biasanya kereta-kereta import / MPV. Teksi ini boleh beroperasi di seluruh semenanjung Malaysia. Di atas bahagian bumbungnya ada jambul tertera "Teksi Eksekutif"

2.4.4 Teksi Lapangan Terbang

Kenderaan motor yang muatan duduknya tidak melebihi tujuh (7) orang (termasuk pemandu) yang digunakan semata-mata untuk membawa orang ke dan dari lapangan terbang sebagai balasan bagi suatu bayaran dan dikendalikan dari suatu pangkalan tetap dalam suatu kawasan yang dibenarkan.

3. Kelayakan Pengecualian Duti Eksais dan Cukai Jualan

3.1. Pemilik individu perlu mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

BIL.	PERMIT TEKSI STATUS	SYARAT-SYARAT PERLU DIPATUHI
1.	Teksi Bajet	<ul style="list-style-type: none">i. Milikan individu sahaja;ii. Kenderaan buatan nasional sahaja seperti Wira, Iswara , Waja, Persona;iii. Tujuan : Untuk dijual ATAU fungsi ditukar kepada kereta persendirian oleh pemilik yang sama;iv. Usia kenderaan hendaklah melebihi 5 tahun dari tarikh pendaftaran di dalam geran; dan

		<p>v. Pemilik individu perlu mengisi dan mengemukakan borang permohonan serta dokumen – dokumen seperti disenaraikan di LAMPIRAN II kepada pejabat JKDM Negeri/stesen yang berhampiran.</p>
2.	Kereta Sewa	<ul style="list-style-type: none"> i. Milikan individu sahaja; ii. Kenderaan buatan nasional atau bukan nasional; iii. Tujuan : Untuk dijual ATAU fungsi ditukar kepada kereta persendirian oleh pemilik yang sama; iv. Usia kenderaan hendaklah melebihi 5 tahun dari tarikh pendaftaran di dalam geran; dan v. Pemilik individu perlu mengisi dan mengemukakan borang permohonan serta dokumen – dokumen seperti disenaraikan di LAMPIRAN II kepada pejabat JKDM Negeri / stesen yang berhampiran.
3.	TEKS1M	<ul style="list-style-type: none"> i. Milikan individu sahaja; ii. Kenderaan Model Proton Exora atau Toyota Innova; iii. Tujuan : Untuk dijual ATAU fungsi ditukar kepada kereta persendirian oleh pemilik yang sama; iv. Usia kenderaan hendaklah melebihi 5 tahun dari tarikh pendaftaran di dalam geran; dan v. Pemilik individu perlu mengisi dan mengemukakan borang permohonan serta dokumen – dokumen seperti disenaraikan di LAMPIRAN II kepada pejabat JKDM Negeri/stesen yang berhampiran.

- 3.1.1. Bagi teksi bajet, kereta sewa dan TEKS1M yang berusia kurang daripada 5 tahun , bayaran duti / cukai terlibat perlu dibuat berdasarkan kepada penilaian semasa kenderaan oleh Cawangan Penilaian, Bahagian Perkhidmatan Teknik, JKDM Negeri. Permohonan hendaklah dikemukakan terus kepada pihak JKDM yang berdekatan.

- 3.1.2. Walau bagaimanapun, **tiada pengecualian duti / cukai** diberi bagi tujuan pindah milik / jual / lupus / kegunaan persendirian untuk kategori **teksi lapangan terbang, teksi eksekutif dan lain-lain bagi milikan individu ataupun syarikat.** **Pengecualian duti / cukai** tidak diberikan bagi tujuan penukaran status daripada teksi kepada kereta sewa.
- 3.1.3. **Tempoh layanan pengecualian ini adalah selama 1 tahun sahaja bermula dari 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021.** Bermula 1 Januari 2022, pengecualian ini hanya layak untuk teksi bajet dan kereta sewa yang berusia lebih tujuh (7) tahun sahaja.

4. Tatacara Permohonan Pengecualian

- 4.1. Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan secara atas talian melalui portal rasmi JKDM atau di pejabat JKDM Negeri / stesen berhampiran seperti di **LAMPIRAN II**.
- 4.2. Dokumen-dokumen sokongan berikut hendaklah disertakan bersama borang permohonan:
 - i. Salinan Kad Pengenalan pemilik asal;
 - ii. Salinan lesen memandu;
 - iii. Salinan lesen memandu *Public Service Vehicle (PSV)* / PSV Pemandu Kedua;
 - iv. Salinan permit teksi;
 - v. Salinan depan belakang Sijil Pendaftaran Kenderaan (geran kenderaan); dan
 - vi. Salinan perakuan pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 4.3. Senarai semak dokumen sokongan adalah seperti di **LAMPIRAN III**.
- 4.4. Permohonan boleh diserahkan secara tangan atau melalui pos kepada pejabat JKDM Negeri / stesen yang berhampiran.
- 4.5. Jika terdapat sebarang persoalan atau kemosykilan berhubung perkara ini, boleh menghubungi pegawai-pegawai JKDM Negeri/Stesen yang berhampiran.

5. Tarikh Kuat Kuasa

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2021**.

**BORANG PERMOHONAN PINDAH MILIK / JUAL / LUPUS / KEGUNAAN PERSENDIRIAN TEKSI BAJET /
KERETA SEWA/TEKS1M MILIKAN INDIVIDU**

BUTIRAN PERMOHONAN

Nama Pemilik Asal

No Kad Pengenalan

Alamat Surat Menyurat

No Telefon

BUTIRAN KENDERAAN

No Pendaftaran

Model/Buatan

Tarikh Pendaftaran

Tahun Buatan

LAIN - LAIN PERKARA

Sebab Tukar Hak Milik :

(Sila Tandakan)

Kereta Persendirian

Penjualan

Teksi ke Kereta Sewa
(Tiada Pengecualian)

Lain - Lain (Sila
Nyatakan)

Surat Keputusan :

Pos

Kaunter

Dengan ini saya mengesahkan bahawa
maklumat diatas adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

Untuk Kegunaan Pejabat :

Cop Terima :

**SENARAI SEMAK DOKUMEN SOKONGAN BAGI PERMOHONAN KE ATAS TUKAR
HAK MILIK / PENJUALAN TEKSI BAJET / KERETA SEWA MILIK INDIVIDU**

SENARAI DOKUMEN SOKONGAN	TANDAKAN (/)
Salinan Kad Pengenalan pemilik asal	
Salinan lesen memandu	
Salinan lesen memandu <i>Public Service Vehicle (PSV)</i> / PSV Pemandu Kedua	
Salinan permit teksi	
Salinan depan belakang Sijil Pendaftaran Kenderaan (geran kenderaan)	
Salinan perakuan pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	